

02/12/1998

Kow kemuka permasalahan Asean.

Jamudin Idris

DALAM bingkai yang sederhana, kelihatan tiga anak gadis kecil memandang serius ke arah sesuatu objek, mungkin ke arah seseorang, mungkin juga ke arah sesuatu objek lain. Berbaju kurung dengan warna kusam dan berkaki ayam, jelas sekali gambaran mereka mewakili golongan miskin. Warna pudar dan kusam yang dipilih pelukis menjelaskan lagi penderitaan yang ditanggung mereka.

Kow Leong Kiang melukis karya cat minyak bertajuk Mr Foreign Speculator, Stop Damaging Our Country! (Tuan Spekulator Asing, Hentikan Merusak Negara Kami) membuktikan bagaimana sebuah karya seni dan dalam hal ini sebuah lukisan yang lembut dan indah, tetapi masih dapat mengucapkan sesuatu mesej tertentu mengenai kehidupan yang getir dan pedih.

Kow berkata, anak gadis kecil yang menjadi objek dalam karyanya itu adalah rakaman kanak-kanak di Pantai Timur yang dirakamnya ketika berkunjung ke negeri itu tahun lalu.

Negeri di Pantai Timur telah sekian lama menjadi ilham kepada pelukis muda berasal dari Petaling Jaya tetapi banyak menghabiskan masa di studionya di Kuala Langat kerana tempat itu jauh dari kesibukan kota dan menyenangkannya melukis.

Karyanya bertajuk Mr Foreign Speculator itu membawa tuah kepadanya apabila memenangi Anugerah Seni Lukis Kumpulan Philip Morris 1998 dan menerima hadiah wang tunai RM38,000 (AS\$10,000).

Empat pelukis lain ikut mendapat Hadiah Juri 1998 peringkat Asean dan menerima AS\$5,000. Mereka ialah Isa Perkasa (Indonesia) dengan karya bertajuk Indonesia Kini Sedang Luka, Somporn Teamprasit (Thailand) dengan karyanya berjudul Power of Richness dan dua pelukis negara tuan rumah Vietnam, iaitu Le Thanh Thu dengan karya Urbanisation dan Nguyen Huy Hoang dengan Return.

Sebelum memenangi peringkat Asean, Kow dan empat pelukis Malaysia memenangi hadiah peringkat negara dan menerima AS\$5,000 (RM12,500) - kadar tukaran wang ketika hadiah diumumkan ialah RM2.50.

Kemenangannya mencatat sejarah kerana inilah kali pertama Malaysia membolot hadiah utama. Tahun lalu, Ahmad Shukri Mohamed dipilih salah seorang pemenang peringkat Asean dan menerima hadiah juri bernilai AS\$5,000.

Kow menerima hadiah daripada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Vietnam, Nguyen Manh Cam di Hanoi Opera House, Hanoi, sebuah bangunan bersejarah untuk kegiatan kebudayaan di Vietnam yang dibuka pada 1911.

Pertandingan peringkat Asean diadili sembilan pengadil iaitu tujuh dari negara Asean manakala dua pengadil antarabangsa termasuk seorang dari Australia. Ia dipengerusikan Pengarah Seni Muzium di Chinese Universiti Hong Kong, Prof Mayching Kao.

Salah seorang hakim dari Singapura, S Chandrasekaran berkata, karya Kow yang memenangi hadiah utama menyatakan permasalahan yang dihadapi di rantau ini dan bersesuaian yang didepani Asean.

Hakim yang mewakili Malaysia, Niranjana Rajah yang terpaksa menjawab bagi pihak Kow ketika berdepan dengan wartawan asing berkata, karya pelukis muda Malaysia itu tentunya sealiran dengan yang ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penderitaan yang ditanggung negara kerana serangan spekulator.

Katanya, apa yang menarik pada lukisan ini ia cuba memaparkan nasib yang bakal diterima oleh kanak-kanak apabila ekonomi sesebuah negara hampir

lumpuh dengan kehadiran spekulator.

Walaupun spekulator itu bersifat global tetapi yang nyata kehadiran mereka lebih banyak memberi kesan kepada keburukan ekonomi sesebuah negara.

Hakim Antarabangsa, Neil Manton berkata, karya itu memang kuat, lebih-lebih lagi isu yang dipilih bersifat semasa dan penderitaan dapat dikesan apabila seseorang merenung pada wajah kanak-kanak.

Manton berkata, untuk melihat kekesanan lukisan ini, seseorang perlu melihatnya berulang kali.

Pelukis Indonesia yang memenangi hadiah juri, Isa Perkasa berkata, pada saya lukisan Kow kuat dan kena dengan isu yang dihadapi oleh Asean.

Pemangku Pengarah Balai Seni Lukis Negara, Wairah Marzuki berkata, setelah sekian lama mencuba, baru tahun kelima Malaysia meraih hadiah utama.

Kow Leong yang terkejut dengan kemenangan itu berkata, kemenangan itu tidak menghalangnya untuk terus berkarya dan menyertai pertandingan lukisan berprestij seperti anjuran Philip Morris.

Balai Seni Lukis Negara sudah menghubunginya untuk membeli lukisan itu.

"Saya berharap lukisan ini tidak terlepas ke tangan orang luar," katanya.

Tahun lalu karya Sukri yang memenangi hadiah juri peringkat Asean khabarnya sudah dibeli sebuah syarikat komputer dari Singapura. Jangan sampai pisang berbuah dua kali!

(END)